



MPKK
www.mpkk.gov.my

Maklumat Am Cukai Taksiran

JABATAN PERBENDAHARAAN
Majlis Perbandaran Kulim Kedah Darul Aman

CUKAI TAKSIRAN

Cukai Taksiran ialah cukai yang dikenakan mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) ke atas pegangan berkadar.



Tahukah anda bahawa anda membayar serendah 25 sen sehari untuk Cukai Taksiran kediaman anda?

Untuk makluman purata bayaran Cukai Taksiran premis anda adalah seperti berikut:

JENIS BANGUNAN	CUKAI
Rumah Kos Rendah (Teres) / Rumah Kos Sederhana (Teres 1 Tingkat)	RM 0.30 sehari
Rumah Kos Sederhana (Teres 2 Tingkat)	RM 0.60 sehari
Rumah Berkembar Setingkat	RM 0.44 sehari
Rumah Berkembar Dua Tingkat	RM 0.82 sehari
Rumah Sesebuah (Banglo)	RM 1.39 sehari



Kenapa cukai dikenakan?

Secara ringkasnya, Cukai Taksiran dikenakan kerana kediaman atau premis anda berada di dalam kawasan pentadbiran Majlis atau Pihak Berkuasa Tempatan.



Cukai Taksiran yang dibayar digunakan untuk tujuan apa?

Semua kos pengurusan dan pentadbiran Bandar Kulim menggunakan sumber daripada cukai taksiran yang dikenakan kepada pemilik bangunan di kawasan Kulim antaranya:-

1. Bayaran bil elektrik (lampu jalan, lampu isyarat, bangunan awam)
2. Bayaran bil air untuk bangunan awam (pasar, tandas, dewan, stadium)
3. Penyelenggaraan jalan, parit jalan, gerai dan bangunan awam
4. Penyelenggaraan landskap
5. Penyelenggaraan lampu jalan
6. Mengatasi bencana alam seperti banjir dan tanah runtuh

BIL / NOTIS

PENGEDARAN BIL CUKAI TAKSIRAN

Adalah menjadi kewajipan kepada setiap pemilik pegangan supaya hadir sendiri bagi mendapatkan bil untuk menjelaskan bayaran.

Walau bagaimanapun, bagi memperingatkan orang ramai tentang kewajipan menjelaskan cukai taksiran maka MPKK mengambil inisiatif untuk mengedarkan bil kepada orang ramai pada setiap awal penggal.

TINDAKAN

SEKIRANYA ANDA TIDAK MENJELASKAN BAYARAN CUKAI TAKSIRAN

Mengikut kaedah yang digunakan di MPKK, setiap pegangan yang tidak menjelaskan cukai akan dikenakan tindakan seperti berikut :

DENDA	2% atau minimum RM2.00 daripada jumlah tunggakan
NOTIS E	RM3.00 dikenakan

**JELASKAN TUNGGAKAN
CUKAI TAKSIRAN
ANDA
ELAKAN DISITA**



GAGAL

SEKIRANYA MASIH GAGAL MENJELASKAN CUKAI....

Waran Tahanan (Warrant of Attachment) akan dikeluarkan kepada anda. Waran F ini membolehkan Pegawai MPKK yang diberi kuasa :

- * Mensita / Menahan / Melelong sebarang harta alaiih tuan punya pegangan di dalam kawasan MPKK.
- * Mensita pegangan / bangunan tersebut.
- * Menahan dan Melelong bangunan / tanah melalui Pendaftaran Mahkamah Tinggi (Seksyen 151).
- * Menahan proses kelulusan dan perkhidmatan MPKK bagi pegangan yang mempunyai tunggakan seperti berikut :

- * Kelulusan Lesen Perniagaan di premis tersebut.
- * Kelulusan pelan perancangan.
- * Kelulusan pelan bangunan.
- * Kelulusan Sijil Layak memduduki.

KEMUDAHAN-KEMUDAHAN BAYARAN YANG DISEDIAKAN

- * Kaunter Bayaran di Ibu Pejabat MPKK
- * Bayaran Tunai - Bayaran menggunakan cek berpaling, wang pos dan sebagainya kepada - Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulim.
- * Bayaran melalui kad kredit.
- * Selain dari Kaunter Bayaran di Ibu Pejabat MPKK, pelbagai kemudahan juga disediakan untuk pelanggan menjelaskan bayaran Cukai Taksiran:

Bayaran melalui kaunter :

- Pejabat-pejabat Cawangan MPKK
- Bank Islam (M) Sdn. Bhd.
- Bank Rakyat
- Bank BSN
- Pejabat Pos Malaysia Berhad (Terpilih)
 1. Pejabat Pos Besar Pulau Pinang
 2. Pejabat Pos Besar Alor Setar
 3. Pejabat Pos Butterworth
 4. Pejabat Pos Bukit Mertajam
 5. Pejabat Pos Sungai Petani
 6. Pejabat Pos Kulim
 7. Pejabat Pos Lunas
 8. Pejabat Pos Padang Serai
 9. Pejabat Pos Karangan

Bayaran melalui online :

- Maybank2u
- Bank Islam
- Bank Rakyat
- CIMB Clicks
- BSN online

ANSURAN

KEMUDAHAN BAYARAN ANSURAN BULANAN

Bagi pembayar cukai bermasalah, permohonan boleh dikemukakan untuk menjelaskan cukai secara ansuran. Walau bagaimanapun, sebarang pertimbangan mengenai perkara ini adalah tertakluk kepada budibicara Majlis.

PEGANGAN / BANGUNAN KOSONG

Sekiranya pegangan anda tidak diduduki serta menepati kriteria berikut :

- * Bangunan itu dalam keadaan baik dan layak untuk diduduki / didiami.
- * Segala usaha munasabah untuk mendapatkan tenan (penyewa) telah dibuat tapi masih gagal disewakan.
- * Kadar sewa yang munasabah.
- * Bangunan itu telah kosong selama tempoh pulangan balik dituntut (untuk tempoh laporan dibuat sahaja)

Maka anda layak membuat lapor kosong dengan :

1. Melaporkan kekosongan dalam tempoh sebulan pada awal setiap penggal (6 bulan sekali)
2. Borang lapor kosong hanya akan diterima dengan syarat bayaran bagi penggal berkenaan telah dibuat.
3. Pertimbangan Majlis untuk potongan 5% hanya akan dilakukan untuk penggal berkenaan sahaja.

PINDAHMILIK

Adalah menjadi kewajipan penjual dan pembeli sesuatu pegangan dalam tempoh 3 bulan selepas jualan memberi notis dalam Borang J kepada Majlis.

Adalah menjadi kewajipan pemilik baru melalui waris kepada pemilik yang telah mati untuk memberi notis dalam Borang J kepada Majlis dalam, tempoh setahun selepas tarikh kematian.

Akta 171, Seksyen 161 menyebut perkara ini sekiranya tidak dikemukakan notis berkenaan boleh disabitkan didenda tidak melebihi RM2000 atau dipenjarakan tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya.



BANTUAN KOD QR

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi kami :

04 | 432 5225

No 1, Lebuh Bandar 2, Bnadar Putra,
09000 Kulim, Kedah Darul Aman
Tel : 04-432 5225 Fax : 04-432 5229

Bebas Tol : 1800-880-428
Portal Rasmi : www.mppk.gov.my
E- mail Pertanyaan : info@mpkk.gov.my
Laman Aduan : e-aduan.mppk.gov.my
E-mail Aduan : aduan@mpkk.gov.my
Facebook : [Majlis-Perbandaran-kulim](https://www.facebook.com/Majlis-Perbandaran-kulim)



MPKK